

## KENYATAAN SS DATUK MUFTI KERAJAAN NEGERI SABAH BERKAITAN TERSALAH BERBUKA PUASA AWAL MENGIKUT AZAN DI RADIO

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

أما بعد..

### 1.0 PENDAHULUAN:

1.1 Ibadah puasa merupakan rukun Islam ketiga yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam ketika tibanya bulan Ramadhan. Ini bersandarkan kepada dalil berikut;

Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

[البقرة:183]

Maksudnya:

*"Wahai orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa".*

(Surah al-Baqarah: 183)

Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar *R.Anhuma*:

روى ابن عمر رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: بِنِي الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ، وَالْحَجُّ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ.

Maksudnya:

*"Ibnu Umar R.A'nhuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW telah bersabda: (Islam dibina di atas lima perkara: Kalimah Syahadat La Ilaha Illa Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, ibadah haji dan puasa pada bulan Ramadhan) ".*

(Riwayat Muslim, no. 1146)

## 2.0 HUJAH DAN DALIL:

2.1 Umat Islam diperintahkan untuk berpuasa di bulan Ramadhan dengan menahan diri daripada makan dan minum serta perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa mereka bermula dari terbit fajar sadiq sehingga tenggelamnya matahari. Firman Allah SWT:

﴿...وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ...﴾ [البقرة:187]

Maksudnya:

"...dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib)..."

(Surah al-Baqarah: 187)

2.2 Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada dalil ayat al-Quran di atas, dapatlah difahami bahawa waktu berbuka puasa adalah disandarkan kepada tenggelamnya matahari dan bukannya disandarkan kepada azan mahupun gelap atau terangnya keadaan langit pada ketika itu.

2.3 Imam al-Nawawi al-Syafie turut menjelaskan berkaitan waktu berbuka puasa di dalam kitab beliau al-Majmuk, jilid 6, halaman 304:

ينقضي الصوم ويتم بغروب الشمس بإجماع المسلمين.

Maksudnya:

"Berlalu puasa dan sempurnanya puasa itu dengan terbenamnya matahari berdasarkan kesepakatan umat Islam (ulama-ulama Islam)".

2.4 Beliau turut menjelaskan perkara berkenaan di dalam kitabnya Raudhah al-Tholibin, jilid 2, halaman 363:

وَلَوْ أَكَلْتَ ظَانًّا غُرُوبَ الشَّمْسِ، فَبَانَ طَالِعًا، أَوْ ظَنَّ أَنَّ الْفَجْرَ لَمْ يَطْلُعْ، فَبَانَ طَالِعًا، أَفْطَرَ عَلَى الصَّحِيحِ الْمَنْصُوصِ، وَبِهِ قَطَعَ الْجُمْهُورُ

Maksudnya:

"Sekiranya seseorang itu makan (berbuka puasa) kerana menyangka tenggelam matahari, dan ternyata matahari belum tenggelam, atau menyangka fajar belum terbit dan ternyata telah terbit, telah batal puasanya berdasarkan nas yang sahih dan ianya (batal puasanya) diputuskan oleh jumah ulama".

2.5 Perkara ini selari dengan kaedah fiqh:

لا عبرة بالظن البين خطؤه

Maksudnya:

*“Tiada pengiktibaran dengan zhan atau sangkaan yang nyata salahnya”.*

### **3.0 RUMUSAN:**

Justeru itu, berdasarkan kepada hujah dan huraian di atas dapatlah disimpulkan seperti berikut:

- 3.1 Waktu berbuka puasa adalah bersandarkan kepada terbenamnya matahari berdasarkan nas syarak dan bukannya bersandarkan kepada laungan azan di radio atau seumpamanya serta keadaan langit pada ketika itu.
- 3.2 Pada dasarnya, di sisi syarak, puasa mereka yang tersalah berbuka puasa awal kerana mengikut azan di radio adalah dikira terbatal dan wajib ke atas mereka menggantikan puasa mereka itu setelah berakhirnya bulan Ramadhan.
- 3.3 Usaha pihak radio mengumandangkan azan sebagai tanda masuk waktu dan berbuka merupakan usaha murni yang sangat baik. Namun begitu, pihak radio perlulah lebih teliti dan cermat dalam perkara ini bagi mengelakkan daripada berulang perbuatan mengumandangkan azan awal dari waktunya pada masa akan datang.
- 3.4 Umat Islam hendaklah sentiasa cermat dan berhati-hati berkaitan waktu berbuka puasa. Sehubungan itu, adalah disarankan kepada umat Islam agar merujuk kepada takwim berbuka puasa yang telah dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti demi memastikan perkara seumpama ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Demikianlah penjelasan mengenai perkara di atas. Semoga ada manfaatnya kepada umat Islam khususnya mereka yang berada di kawasan yang terlibat.

والله تبارك وتعالى أعلم.

Disediakan oleh,

**PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH**

04 April 2022 M / 02 Ramadhan 1443 H